



NOTA PANDUAN MENGISI BORANG *ONLINE* BAGI PERMOHONAN LESEN KELAS

A. MAKLUMAT UMUM

1. Permohonan untuk mendaftarkan loji rawatan air (LRA) dan loji rawatan kumbahan (LRK) hendaklah dibuat melalui sistem eCLAPS.
2. Pemohon yang pernah mendaftarkan LRA/LRK sebelum ini dikehendaki untuk mengesahkan maklumat LRA/LRK terlebih dahulu melalui pautan <https://bit.ly/3v0hz75> sebelum membuat pendaftaran semula (pembaharuan).
3. Setelah pengesahan maklumat LRA/LRK dibuat, pemohon perlu membuat pendaftaran akaun pengguna di dalam sistem eCLAPS. Pemohon boleh merujuk manual pengguna yang boleh dimuat turun melalui sistem eCLAPS.
4. Pemilik/pengendali LRA/LRK yang belum pernah mendaftarkan loji boleh membuat pendaftaran akaun pengguna di dalam sistem eCLAPS dengan merujuk manual pengguna yang boleh dimuat turun melalui laman web SPAN.
5. Pengguna akan menerima e-mel untuk mengaktifkan akaun eCLAPS dengan cara klik pada pautan yang diberikan. Pemohon hanya boleh log masuk sekiranya pengaktifan akaun telah dibuat.

B. PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN

01 : MAKLUMAT PERMOHONAN	
Jenis Entiti	Sila pilih jenis entiti daripada senarai pilihan samada: <ul style="list-style-type: none">• Syarikat (Sdn. Bhd. / Berhad)• Milikan Tunggal/Perkongsian (Enterprise)• Individu• Badan Berkanun (Agensi separa kerajaan yang ditubuhkan di bawah peruntukan sesebuah Akta Parlimen atau Enakmen Dewan Undangan Negeri)• Lain-lain (Cth: Perbadanan Pengurusan / JMB / Sekolah / Pertubuhan / Persatuan dll)
Nama Syarikat / Perniagaan / Individu	Sila masukkan nama syarikat / perniagaan / individu / entiti

<p>No. Pendaftaran Syarikat / Perniagaan / Kad Pengenalan</p>	<p>Sila masukkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • No. Pendaftaran Syarikat (Berdasarkan pendaftaran SSM. Cth: 123456-A / 200903112521) • No. Pendaftaran Perniagaan (Berdasarkan pendaftaran SSM. Cth: KT0258066-U / 201901000001) • No. Kad Pengenalan (Berdasarkan no. kad pengenalan. Cth: 901010101010) • No. Pendaftaran Badan Berkanun / Entiti
<p>Verifikasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya terpakai bagi jenis entiti Syarikat / Milikan Tunggal / Perkongsian sahaja • Sila klik verifikasi untuk pengesahan no. pendaftaran syarikat. • Sekiranya status yang dipaparkan adalah tidak sah, sila masukkan semula no. pendaftaran SSM dengan format yang betul
<p>Alamat Surat-Menyurat</p>	<p>Sila nyatakan alamat surat-menyurat</p>
<p>Poskod</p>	<p>Sila nyatakan poskod dengan format 5 angka. Cth: 63000</p>
<p>Daerah</p>	<p>Sila nyatakan nama daerah. Cth: Sepang</p>
<p>Negeri</p>	<p>Sila pilih nama negeri yang berkaitan</p>
<p>Nama Pengawai Untuk Dihubungi</p>	<p>Sila nyatakan nama seorang pegawai bertanggungjawab bagi permohonan lesen kelas. Nama pegawai ini akan dipaparkan dalam Notis Pendaftaran Lesen Kelas.</p>
<p>No. Telefon (Mudah Alih)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sila pilih kod kawasan daripada senarai pilihan • Sila nyatakan no. telefon (bimbit) pegawai untuk dihubungi
<p>No. Telefon (Pejabat)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sila nyatakan kod kawasan. Cth: 603 / 012 / 019 • Sila nyatakan no. telefon (pejabat) pegawai untuk dihubungi
<p>Alamat e-mel</p>	<p>Sila nyatakan alamat e-mel pegawai / pejabat untuk dihubungi. Pemohon digalakkan untuk menggunakan e-mel rasmi syarikat / perniagaan / entiti bagi mengelakkan sebarang kesulitan sekiranya terdapat pertukaran pengguna pada masa akan datang. Cth: span@span.gov.my.</p>

02 : JENIS PERMOHONAN	
Pendaftaran Baru	Sila klik jika memohon untuk: <ul style="list-style-type: none"> • mendaftarkan loji buat kali pertama; • terdapat perubahan pada kapasiti loji sedia ada dan loji telah mendapat kelulusan PDC 8; atau • loji lama yang telah dinaik taraf dan telah mendapat kelulusan PDC 8
Pendaftaran Semula (Pembaharuan)	Sila klik jika loji pernah didaftarkan sebelum ini termasuk lesen kelas yang telah tamat tempoh pendaftaran.
No. Surat Keperluan	Sila nyatakan no. surat keperluan SPAN sekiranya menerima surat daripada SPAN yang meminta pemilik/pengendali untuk mendaftarkan loji. Cth: LK/8/21/0106
Jenis Loji	Sila pilih jenis loji persendirian samada Sistem Bekalan Air (LRA) atau Sistem Pembetungan (LRK)
Jenis Lesen	Sila pilih jenis lesen samada: <ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan (FL) – Merupakan pemilik LRA / LRK • Perkhidmatan (SL) – Merupakan pengendali LRA / LRK • Kemudahan & Perkhidmatan (FL & SL) – Merupakan pemilik & pengendali LRA / LRK
03 : MAKLUMAT SISTEM	
Maklumat Loji	Sila pilih jenis loji persendirian samada Loji Rawatan Air (LRA) atau Loji Rawatan Kumbahan (LRK)
No. Koordinat GPS	Sila masukkan no. koordinat GPS yang tepat bagi lokasi LRA / LRK dalam format darjah perpuluhan (DD). Cth: Latitud 2.92121, Longitud 101.65772 <i>*Nota: Koordinat GPS boleh diperolehi menggunakan aplikasi google maps</i>
Alamat loji	Sila nyatakan alamat lokasi loji
Poskod	Sila nyatakan poskod dengan format 5 angka. Cth: 63000
Daerah	Sila nyatakan nama daerah. Cth: Sepang
Negeri	Sila pilih nama negeri yang berkaitan

<p>A. Jenis sistem</p>	<p>Sila pilih jenis sistem berdasarkan jenis loji seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="501 264 1398 703"> <thead> <tr> <th data-bbox="501 264 884 322">LRA</th> <th data-bbox="884 264 1398 322">LRK</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="501 322 884 439">Konvensional</td> <td data-bbox="884 322 1398 439">Sistem Mekanikal (Extended Aeration / Hi-Kleen / SBR / RBC / Biofilter)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="501 439 884 474">Bukan Konvensional</td> <td data-bbox="884 439 1398 474">Tangki Imhoff</td> </tr> <tr> <td data-bbox="501 474 884 510">Telaga Tiub</td> <td data-bbox="884 474 1398 510">Lagun Pengudaraan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="501 510 884 591">Dissolved Air Flotation (DAF)</td> <td data-bbox="884 510 1398 591">Kolam Oksidasi</td> </tr> <tr> <td data-bbox="501 591 884 663"></td> <td data-bbox="884 591 1398 663">Sistem Rawatan Kumbahan Kecil (SSTS)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="501 663 884 703"></td> <td data-bbox="884 663 1398 703">Stesen Pam Kumbahan</td> </tr> </tbody> </table>	LRA	LRK	Konvensional	Sistem Mekanikal (Extended Aeration / Hi-Kleen / SBR / RBC / Biofilter)	Bukan Konvensional	Tangki Imhoff	Telaga Tiub	Lagun Pengudaraan	Dissolved Air Flotation (DAF)	Kolam Oksidasi		Sistem Rawatan Kumbahan Kecil (SSTS)		Stesen Pam Kumbahan
LRA	LRK														
Konvensional	Sistem Mekanikal (Extended Aeration / Hi-Kleen / SBR / RBC / Biofilter)														
Bukan Konvensional	Tangki Imhoff														
Telaga Tiub	Lagun Pengudaraan														
Dissolved Air Flotation (DAF)	Kolam Oksidasi														
	Sistem Rawatan Kumbahan Kecil (SSTS)														
	Stesen Pam Kumbahan														
<p>B. Tahun Diluluskan</p>	<p>Sila pilih tahun loji diluluskan berdasarkan jenis loji seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="501 869 1417 1043"> <thead> <tr> <th data-bbox="501 869 922 927">LRA</th> <th data-bbox="922 869 1417 927">LRK</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="501 927 922 963">Sebelum 1 Januari 2008</td> <td data-bbox="922 927 1417 963">Sebelum 1999</td> </tr> <tr> <td data-bbox="501 963 922 999">Selepas 1 Januari 2008</td> <td data-bbox="922 963 1417 999">Di antara 1999 sehingga 2009</td> </tr> <tr> <td data-bbox="501 999 922 1043"></td> <td data-bbox="922 999 1417 1043">Selepas 1 Januari 2010</td> </tr> </tbody> </table> <p>Tahun loji diluluskan bagi LRA adalah berdasarkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> tarikh surat kelulusan SPAN bagi LRA yang diluluskan selepas Akta 655 berkuatkuasa; atau tarikh surat kelulusan yang dikeluarkan oleh pihak yang meluluskan LRA sebelum Akta 655 berkuatkuasa; atau tarikh CF/CCC/COC dikeluarkan. <p>Tahun loji diluluskan bagi LRK adalah berdasarkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> tarikh surat pengesahan siap kerja bagi LRK yang diluluskan selepas Akta 655 berkuatkuasa; atau tarikh surat kelulusan yang dikeluarkan oleh pihak yang meluluskan LRK sebelum Akta 655 berkuatkuasa; atau tarikh CF/CCC/COC dikeluarkan. 	LRA	LRK	Sebelum 1 Januari 2008	Sebelum 1999	Selepas 1 Januari 2008	Di antara 1999 sehingga 2009		Selepas 1 Januari 2010						
LRA	LRK														
Sebelum 1 Januari 2008	Sebelum 1999														
Selepas 1 Januari 2008	Di antara 1999 sehingga 2009														
	Selepas 1 Januari 2010														
<p>C. Kapasiti Loji</p>	<ul style="list-style-type: none"> Sila nyatakan kapasiti LRA dalam unit <i>Million Liters per Day (MLD)</i>. Sila nyatakan kapasiti LRK dalam unit <i>Population Equivalent (PE)</i>. 														
<p>D. Pematuhan Kepada Standard (LRK sahaja)</p>	<ul style="list-style-type: none"> Sila pilih salah satu standard pematuhan yang berkenaan Standard pematuhan tidak terpakai bagi sistem jenis stesen pam kumbahan 														

04 : PENYELENGGARAAN SISTEM	
Item A	<p>Sila pilih salah satu samada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pekerja teknikal dalaman yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang berkaitan (jika menyelenggara sendiri dan tidak melantik kontraktor); atau • kontraktor yang dilantik: <ul style="list-style-type: none"> - Sila pilih samada no. pendaftaran SSM atau no. Permit D kontraktor dan klik butang CARIAN - Maklumat Permit D yang masih sah tempoh sahaja akan dipaparkan - Sekiranya status yang dipaparkan adalah "Permit Tidak Dijumpai", sila masukkan semula no. pendaftaran SSM / no. Permit D dengan format yang betul. Cth: SPAN/EKS/(PT)/800-2D/1/10/10 (Permit D). Sekiranya status masih sama, kontraktor yang dilantik tidak memiliki Permit D yang sah. - Sila masukkan tempoh lantikan kontraktor yang menjalankan kerja-kerja penyenggaraan <p><i>*Nota: Kontraktor yang dilantik perlu memiliki Permit D yang sah mengikut jenis kerja dan negeri di mana kerja tersebut dijalankan. Cth:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • LRA di Selangor: Permit D (Bekalan Air) Selangor • LRK di Selangor: Permit D (Pembetulan) Selangor
05 : LAPORAN KUALITI AIR / EFLUEN	
Tarikh Laporan	Sila masukkan tarikh laporan dikeluarkan oleh makmal yang diiktiraf / diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia. Tarikh laporan hendaklah dalam tempoh 6 bulan yang terkini daripada tarikh semasa.
Nama Makmal	Sila nyatakan nama makmal yang menjalankan ujian analisis kualiti air / efluen. Laporan analisis hendaklah dikeluarkan oleh makmal yang diiktiraf / diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM). Senarai makmal boleh dirujuk di laman web JSM.
Keputusan Laporan	<p>Sila masukkan keputusan ujian analisis kualiti air / efluen berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh makmal yang diiktiraf / diakreditasi oleh JSM</p> <p><i>*Nota: Garisan di sekeliling kotak akan berwarna merah sekiranya nilai yang dimasukkan tidak mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia (LRA) atau standard Jabatan Alam Sekitar (JAS)</i></p>

<p>Muat Naik Dokumen – Ulasan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sila nyatakan jenis dokumen yang dimuat naik. Cth: Laporan bulan Okt 2021 • Sekiranya LRA atau LRK baru sahaja diluluskan tidak melebihi 6 bulan, sila nyatakan di ruangan ini. Cth: LRK baru sahaja diluluskan pada 1 Ogos 2021 dan masih belum beroperasi
<p>Muat Naik Dokumen – Pilih Fail</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sila pilih fail untuk memuat naik laporan analisis kualiti air / efluen yang dikeluarkan oleh makmal yang diiktiraf / diakreditasi oleh JSM dan tekan butang MUAT NAIK • Sekiranya LRA / LRK baru sahaja diluluskan tidak melebihi 6 bulan, sila muat naik surat pengesahan oleh pengurusan syarikat bahawa LRA / LRK baru sahaja diluluskan tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh permohonan dikemukakan
<p>06 : DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN</p>	
<p>1 . Dokumen Pengenalan Pemohon</p>	<p>Sila muat naik dokumen pendaftaran entiti (Sila Rujuk Keperluan Mengikut Kategori Pemohon)</p>
<p>2 . Dokumen Pemilikan LRA / LRK</p>	<p>Sila muat naik salinan Geran Tanah / Bil Cukai Tanah / Perjanjian Pajakan, Penyewaan Tanah atau Premis / dokumen lain yang berkaitan</p>
<p>3 . Surat Permohonan / Kelulusan Ambilan Air Mentah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya terpakai bagi LRA sahaja • Sila muat naik Surat Permohonan / Lesen Abstraksi / Kelulusan Ambilan Air Mentah Daripada Kerajaan Negeri atau Daerah
<p>07 : DEKLARASI PERMOHONAN (LRA) & INTEGRITI</p>	
<p>Item 1</p>	<p>Sila nyatakan salah satu daripada sumber air mentah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • sungai / anak sungai / suak / laut / tasik / air bawah tanah / empangan / takungan / longkang / parit
<p>Item 2</p>	<p>Sila nyatakan salah satu daripada premis berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • ladang / kilang kelapa sawit / kilang perindustrian / kondominium
<p>Item 3 (l)</p>	<p>Sila masukkan tarikh surat kelulusan SPAN bagi rekabentuk LRA / CCC / CF / COC</p>

Butang SETUJU	Sila baca dan fahami setiap baris ayat di halaman deklarasi, seterusnya klik di semua ruangan SETUJU. Permohonan tidak dapat diteruskan sekiranya tarikh surat kelulusan dan salah satu ruangan SETUJU tidak ditandakan.
07 : DEKLARASI PERMOHONAN (LRK) & INTEGRITI	
Item 1	Sila nyatakan salah satu daripada premis berikut: <ul style="list-style-type: none">• kumbahan daripada kilang / kondominium / hospital / kawasan rehat dan rawat (R&R) / ladang / pejabat
Item 2 (l)	Sila masukkan tarikh surat pengesahan siap kerja / CCC / CF / COC
Butang SETUJU	Sila baca dan fahami setiap baris ayat di halaman deklarasi, seterusnya klik di semua ruangan SETUJU. Permohonan tidak dapat diteruskan sekiranya tarikh surat kelulusan dan salah satu ruangan SETUJU tidak ditandakan.

DISEDIAKAN OLEH:

**BAHAGIAN PELESENAN DAN TARIF
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA**

13 OKTOBER 2021